JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Untuk Maklumat Lanjut : www.dosm.gov.my www.mycensus.gov.my

@StatsMalaysia @MyCensus2020

# NEWSLETTER

DOSM/BKS/8.2021/SIRI 27

# DOSM @ MEDIA

## JANUARI -JUN 2021

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai peneraju perkhidmatan statistik rasmi negara telah berperanan menghasilkan statistik yang berintegriti dan *reliable* dalam bidang ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar yang digunakan oleh Kerajaan sebagai input dalam pembentukan pelaksanaan, penilaian dan semakan semula dasar awam negara. Bagi tujuan penyebaran statistik ini, **media massa** memainkan peranan yang amat penting dalam menyebarkan maklumat berasaskan fakta atau statistik secara meluas dan cepat kepada masyarakat untuk manfaat dan kesejahteraan bersama.

Pemakluman dan hebahan ini disalurkan dalam format yang pelbagai seperti kenyataan media, *advance release calendar* (ARC), sidang media, program wawancara serta muat naik hantaran di media sosial DOSM seperti Instagram, Facebook dan Twitter.




Selain penerbitan kenyataan media berkaitan perkembangan semasa statistik ekonomi dan sosial negara yang dilakukan secara bulanan, suku tahun dan tahunan, DOSM juga menggunakan platform media massa untuk mempromosikan Banci Malaysia 2020 yang masih lagi berjalan ketika ini.

## *DOSM @ MEDIA DALAM ANGKA*

**129** Kenyataan Media

**8** Sidang Media

**1550** Liputan Media

**27** Wawancara

IMBAS UNTUK BACA

Liputan Media DOSM

Kenyataan Media DOSM



BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA

# KENYATAAN MEDIA DOSM

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2021, sebanyak **129** kenyataan media DOSM telah dikeluarkan. Kenyataan media ini dipanjangkan kepada agensi media untuk pemakluman orang ramai. Pemakluman ini juga turut dimuat naik di portal rasmi dan media sosial DOSM.

Mengikut pecahan, sebanyak 116 kenyataan media dikeluarkan adalah ARC dan 13 kenyataan adalah bukan ARC iaitu kenyataan umum dan Banci Malaysia 2020 dengan masing-masing lima dan lapan kenyataan media.

Selain kenyataan media ARC dan Banci Malaysia 2020, DOSM turut mengeluarkan **lima kenyataan umum** berkenaan perkembangan dan produk terkini jabatan seperti yang berikut

1. 17 Februari 2021 - Sistem Pemantauan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kebangsaan (*SDG Dashboard*)
2. 8 Mac 2021 - *52nd United Nations Statistical Commission (UNSC) 1st – 5th March 2021*
3. 31 Mac 2021 - Pelancaran Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2021-2025
4. 20 April 2021 - Pelancaran Tourism Dashboard
5. 1 Mei 2021 - Anugerah Majikan Prihatin Persekutuan CUEPACS 2021

## ANTARA KENYATAAN MEDIA DOSM



## Kenyataan Media DOSM

| Perkara | JAN | | | FEB | | | MAC | | | APRIL | | | MEI | | | JUN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| *Advance Release Calendar* (ARC) | S | E | U | S | E | U | S | E | U | S | E | U | S | E | U | S | E | U | 116 |
| | 1 | 10 | 2 | 6 | 19 | 2 | 1 | 10 | 2 | 3 | 10 | 2 | 6 | 21 | 2 | 2 | 15 | 2 | |
| | 13 | | | 27 | | | 13 | | | 15 | | | 29 | | | 19 | | | |
| Bukan ARC | KENYATAAN MEDIA UMUM | | | | | | | | | | | | | | | | | | 13 |
| | - | | | 1 | | | 2 | | | 1 | | | 1 | | | - | | | |
| | KENYATAAN MEDIA BANCI MALAYSIA 2020 | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| | 3 | | | - | | | 1 | | | 1 | | | 2 | | | 1 | | | |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | | | | | | | | | | | | | | | | | **129** |

***Petunjuk***
S - Sosial
E - Ekonomi
U - Umum

BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA

# SIDANG MEDIA DOSM

Selain kenyataan media yang dikeluarkan, DOSM juga turut mengadakan **8** sidang media untuk tujuan hebahan terkini. Kebanyakan sidang media tersebut dijalankan secara maya berikutan situasi pandemik yang melanda.

Sidang media yang telah dijalankan sepanjang Januari hingga Jun 2021

1. 29 Januari 2021 - Sidang Media Pemakluman Status Terkini Banci Malaysia 2020 oleh Pesuruhjaya Banci Malaysia
2. 23 Februari 2021 - Sidang Media Hari Bersama Pelanggan DOSM Secara Virtual Bagi Tahun 2021
3. 15 Mac 2021 - Sidang Media Pemakluman Status Terkini Banci Malaysia 2020 oleh Pesuruhjaya Banci Malaysia
4. 30 Mac 2021 - Sidang Media Majlis Pelancaran Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2021-2025
5. 9 April 2021 - Sidang Media Program Turun Padang DOSM Negeri Selangor Bersama Pesuruhjaya Banci 2020 Dengan Media Sempena Banci Malaysia 2020
6. 24 Mei 2021 - Sidang Media Berkenaan Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak Dan Susulan Oleh YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)
7. 25 Mei 2021 - Sidang Media Pemakluman Status Terkini Banci Malaysia 2020 oleh Pesuruhjaya Banci Malaysia
8. 29 Jun 2021 - Sidang Media Berkenaan Pengumuman Data KDNK Negeri 2020 Oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia Secara Maya




Sidang Media Pengumuman Data KDNK Negeri 2020 Oleh Ketua Perangkawan Malaysia Secara Maya




Sidang Media Pemakluman Status Terkini Banci Malaysia 2020 oleh Pesuruhjaya Banci Malaysia

## Program Turun Padang DOSM Negeri Bersama Media Bagi Publisiti Banci Malaysia 2020

1. 7 April 2021 – Ketua Perangkawan selaku Pesuruhjaya Banci turun padang di Sabah
2. 12 April 2021 – Ketua Perangkawan selaku Pesuruhjaya Banci turun padang di Selangor
3. 25 April 2021 – Program turun padang bersama Timbalan Ketua Perangkawan, Program Ekonomi (PE) selaku Timbalan Pesuruhjaya Banci di Johor
4. 27 April 2021 - Program turun padang bersama Timbalan Ketua Perangkawan, PE selaku Timbalan Pesuruhjaya Banci di Pahang
5. 28 April 2021 - Ketua Perangkawan selaku Pesuruhjaya Banci Malaysia turun padang di Terengganu
6. 4 Mei 2021 – Program turun padang di Kelantan bersama Timbalan Ketua Perangkawan, Program Sosial dan Pembangunan Teknikal (PSPT) merangkap Timbalan Pesuruhjaya Banci
7. 5 Mei 2021 - Program turun padang bersama Timbalan Ketua Perangkawan, PE selaku Timbalan Pesuruhjaya Banci di Perak
8. 7 Mei 2021 - Program turun padang di Melaka bersama Timbalan Ketua Perangkawan, PSPT merangkap Timbalan Pesuruhjaya Banci



Sidang Media Program Turun Padang DOSM Negeri Johor Bersama Timbalan Pesuruhjaya Banci 2020



Sidang Media Program Turun Padang DOSM Negeri Pahang Bersama Timbalan Pesuruhjaya Banci 2020




Sidang Media Program Turun Padang DOSM Negeri Terengganu Bersama Pesuruhjaya Banci 2020




Sidang Media Program Turun Padang DOSM Negeri Kelantan Bersama Timbalan Pesuruhjaya Banci 2020



Sidang Media Program Turun Padang DOSM Negeri Sabah Bersama Pesuruhjaya Banci 2020



Sidang Media Program Turun Padang DOSM Negeri Selangor Bersama Pesuruhjaya Banci 2020



Sidang Media Program Turun Padang DOSM Negeri Perak Bersama Timbalan Pesuruhjaya Banci 2020



Sidang Media Program Turun Padang DOSM Negeri Melaka Bersama Timbalan Pesuruhjaya Banci 2020



BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA

Setakat 30 Jun 2021, DOSM telah menerima sebanyak **1550** liputan media daripada media tempatan dan antarabangsa. Liputan ini berdasarkan kepada kenyataan media yang dikeluarkan DOSM sama ada mengenai Keluaran Statistik DOSM, Banci Malaysia 2020 dan liputan umum mengenai DOSM.

DOSM menerima liputan media di stesen televisyen, media cetak dan dalam talian.

# *LIPUTAN MEDIA*

## Bilangan Liputan Media DOSM Mengikut Bulan Dari Januari hingga Jun 2021




## Liputan Media Mengikut Jenis Kenyataan DOSM Dari Januari hingga Jun 2021




## *ANTARA LIPUTAN DOSM OLEH MEDIA DALAM TALIAN, CETAK DAN PENYIARAN*










































BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
#MyStatsDay | #MyCensus2020 | #LeaveNoOneBehind

# HANTARAN LIPUTAN MEDIA DI MEDIA SOSIAL DOSM

Selain media cetak dan penyiaran, DOSM juga turut memanfaatkan penggunaan media sosial jabatan dengan memuat naik liputan media mengenai DOSM di platform-platform seperti Twitter, Facebook dan Instagram.

@StatsMalaysia
8699 pengikut

@StatsMalaysia
35594 pengikut
@MyCensus2020
28477 pengikut

@statsmalaysia
6469 pengikut












BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA

# WAWANCARA DOSM

DOSM turut menjalankan program wawancara di agensi media seperti stesen televisyen, radio dan media *online*. Prihatin dengan keadaan semasa, kebanyakan wawancara dijalankan secara maya menggunakan kaedah panggilan telefon, perisian Skype, Zoom atau Google Meet dan FB Live.

Wawancara ini dijalankan bagi mempromosikan Banci Malaysia 2020 selain memenuhi jemputan stesen-stesen media untuk berbincang mengenai statistik dan data terkini negara.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2021, sebanyak **27** program wawancara telah berjaya dilaksanakan.

14 kali wawancara untuk program siaran TV
9 kali wawancara untuk program di radio
3 kali wawancara untuk media dalam talian




***ANTARA PROGRAM WAWANCARA YANG DIADAKAN DI STESEN TELEVISYEN, RADIO DAN MEDIA ONLINE TEMPATAN***




Wawancara fizikal Ketua Perangkawan di program NST Insight pada 22 April 2021




Wawancara di FB Live Dialektika TV bersama Ketua Perangkawan di program Anekdot pada 1 Jun 2021



Wawancara maya (Google Meet) Ketua Perangkawan di rancangan Assalamualaikum pada 26 Mac 2021